

BUDI, OBOR KEHIDUPAN BANGSA

“ Tak ada budi- menyebabkan pemerasan dan penindihan. Penjajahan menimbulkan perampasan, perampasan menimbulkan kebuluran. Pelanggaran menimbulkan pertentangan dan pertentangan menimbulkan kehancuran – di sinilah rahsia kejatuhan! “Kata Tuan Johari Ahmad penulis rencana ini. – P.Q.

(Oleh Johari Ahmad)

Hidup suatu bangsa kerana akhlaknya, akhlak sebagai roh kehidupan. Lahir sebagai kulit. Akhlak sebagai jiwa. Kehidupan sebagai badan. Tak ada roh kecuali kulit- lenyap jiwa matilah badan.

Kekuatan sesuatu bangsa adalah terletak pada kekuatan akhlak umatnya. Kesucian suatu bangsa adalah terletak pada kesucian hati bumiputeranya dan kedaulatan sesuatu negara adalah terletak pula pada hidupnya sesuatu umat dengan kemurnian rohaninya...!

Muhammad- Pesuruh Tuhan- Pemimpin Agung dunia ini tegas berkata: “ Hanya senya aku diutus Tuhan ke dunia ini semata-mata kerana menyempurnakan akhlak”.

Al-Quran- tidak sedikit pula ayat-ayatnya menegaskan betapa harganya akhlak itu. Perkataan “*al-Īmān*” perkataan “*al-Taqwā*” perkataan “Jihad” dan sebagainya lagi dari rangkaian al-Quran adalah bersangkut paut benar pembinaan akhlak itu.

Perhati! Perhatilah sejarah Nabi-nabi diutus Tuhan, mereka datang ke dunia untuk satu: akhlak!

Perhatilah sejarah ulama umat- mereka hidup- mereka berjuang- kehidupan dan perjuangan hanya untuk satu: akhlak!

Perhati! Perhatilah ahli-ahli budi itu sendiri

-seluruh hidupnya untuk satu.....akhlak dan kesempurnaannya! – dan sebenarnya Islam itu sendiri selain dari undang-undang hidup. Dia adalah pengaruh rohani sejati.


Alangkah dalamnya makna al-Quran: bahawa akan ditimpakan malapetaka kehinaan kepada mereka (golongan umat) di mana sahaja mereka berada- kecuali mereka yang mempunyai perhubungan teguh dengan Allah. Dan hubungan teguh dengan manusia.

Perhubungan dengan Allah, perhubungan dengan manusia, itulah inti sari pengajaran “al-Quran”- falsafah pengajaran Islam itu sendiri.

Kalau demikianlah indah murninya nama “akhlak” budi dan rohani. Kalau demikianlah tinggi nilai harga akhlak itu tak lah kita hairankan tatkala melihat sejarah-sejarah hidup manusia di dunia ini- dipandang dari sudut kenaikan dan kejatuhannya.

Sudah pasti di dalam sejarah – bahawa akhlak adalah menjadi syarat mutlak kenaikan sesuatu bangsa. Tegas dan nyata kekuatan akhlak itu di dalam kehidupan bangsa di dunia! Tegas dan nyata pula kenaikan dan kejatuhan bangsa itu serta perhubungan dengan akhlak!

Orang-orang Eropah tidaklah akan sanggup sedikit pun Untuk menghargai kekuatan ini. Kecuali puak-puak dan



Masjid Medan Deli yang terkenal.

*

Golongan “kebendaan” jua. Golongan “*malhad*” yang tidak mempercayai agama dan jiwa. Yang tersenyum mengejek mendengar kata bahwa akhlak itulah dasar pembinaan negara. Sebagai bukti, perhatikan hasrat filsuf Bernard Shaw itu sendiri, dengan katanya:

“Saya yakin kalau seseorang sebagai Nabi Muhammad dijadikan diktator dari dunia moden ini, dia akan dapat menyelesaikan kekusutan yang akan membawa jalan yang dikehendaki, iaitu perdamaian dan kesentosaan”. Dan sebenarnya pun politik halus yang digunakan oleh orang Barat untuk menjajah, mencengkam dan bermaharajalela di tanah air orang-orang Asia ialah meruntuhkan akhlak-akhlak rohani itu dahulu.....!

“Runtuhkan akhlak – kemudian senang kita menjajah!” kata mereka.

“Pecah-pecahkan – maka senang kita memerintah!” seru mereka. Jangan dibiar “akhlak” hidup subur di dalam jiwa.

Hancurkan di habis-habisan!

Memang! Dengan akhlak yang hidup bahaaulah manusia itu bernama manusia. Bangsa itu bernama bangsa. Negara itu berdaulat bertakhta!

Sekarang- rata bangsa-bangsa manusia sedar di atas kejatuhannya, tetapi mencari punca kejatuhan itu banyak yang salah bicara ada mengatakan oleh pelajaran, oleh susunan ekonomi yang pincang. Oleh penderitaan dan kebuluran yang bermaharajalela, tetapi orang lupa bahawa semuanya ini adalah hasil dari “kejatuhan akhlak itu”.

Tak ada budi- menyebabkan bangsa menjajah bangsa kuat menindas lemah.

Tak ada budi - menyebabkan pelanggaran dan penjajahan.

Tak ada budi – menyebabkan pemerasan dan penindihan.

Penjajahan menimbulkan “perampasan”. Perampasan menimbulkan kebuluran, pelanggaran menimbulkan pertentangan dan pertentangan menimbulkan kehancuran – di sinilah rahsia “kejatuhan”....

Inilah falsafah sufi – “wujudnya suatu umat kerana akhlaknya”....sebagai suatu bangsa yang jatuh. Kita hanya jangan berfikir bahwa kejatuhan ini adalah berpunca daripada anasir-anasir kebendaan yang lahir ini adalah berpunca insafilah juga sebab-sebab keruntuhan budi rohani!

Sebagai suatu bangsa yang bercita-cita hendak naik. hendak maju dan mulia kembali. Janganlah sekadar memandang bahawa dengan menyusun perjuangan yang tidak disertai dengan jiwa yang suci, kita sudah cukup dan boleh naik.

Tidak! Kita perlu perjuangan jiwa sama perlu dengan perjuangan lahir, kita perlu sama perlu dengan kekuatan jasmani. Kita perlu kekuatan batin sama perlu dengan kekuatan dan kecerdasan akal!

*

Demi kalau kemerdekaan akan kita perolehi pun, Janganlah kita menyangka bahawa kemerdekaan itu sudah cukup. Sudah teguh, sudah tahan – kemerdekaan harus diberi Isi:isi jiwa dan budi!

Kemerdekaan yang tidak disertai isi budi – akan -sambungan pada muka 28-